

MAHATHIR-USAHASAMA

(1)

DARI S. SIVASELVAM

1983

SEOUL, 10 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERITAHU PARA USAHAWAN UTAMA KOREA SELATAN BAHAWA MALAYSIA MENAWARKAN RAMAI RAKAN KONGSI YANG BERKEMAMPUAN UNTUK MEMASUKI PROJEK USAHASAMA DENGAN MEREKA.

KATANYA SEBAGAI AHLI PERNIAGAAN SEBENAR, PARA USAHAWAN KOREA SUDAH TENTU NAMPAK AKAN FAEDAH-FAEDAH MEMINDAHKAN KE MALAYSIA INDUSTRI-INDUSTRI TEKNOLOGI RENDAH DAN YANG MENGGUNAKAN BANYAK TENAGA KERJA.

SAMBIL MENEKANKAN BAHAWA TERDAPAT BANYAK SYARIKAT MALAYSIA YANG BERMINAT MENGADAKAN USAHASAMA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT KOREA DALAM BIUDANG-BIDANG PEKILANGAN DAN PERDAGANGAN, PERDANA MENTERI BERKATA: +APA YANG KAMI MINTA IALAH TIDAK LEBIH DARIPADA APA YANG ANDA SEDANG LAKUKAN DI NEGARA ANDA SENDIRI.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERUCAP DI SATU MAJLIS JAMUAN TENGAHARI BAGI MERAIKANNYA YANG DIANJURKAN BERSAMA OLEH PERSATUAN PERNIAGAAN, DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN, PERSEKUTUAN USAHAWAN DAN PERSEKUTUAN PERNIAGAAN KECIL KOREA.

-- LAGI 1809/LK

ZCZC 8615:

MAHATHIR-USAHASAMA 2 SEOUL

BELIAU BERKATA SYARIKAT-SYARIKAT KOREA KINI KEBANYAKANNYA TERLIDAT DALAM KERJA-KERJA PEMBINAAN DI MALAYSIA -- MEMBINA JAMBATAN, LEBUHRAYA, BANGUNAN DAN AMPANGAN TENAGA HIDRO.

PELUANG-PELUANG DALAM SEKTOR PEMBINAAN SEMAKIN BERTAMBAH BAGI SYARIKAT-SYARIKAT ASING, TERMASUK DARI KOREA, DENGAN LANGKAH KERAJAAN MEMPERLUASKAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN PEMBANGUNAN NEGARA.

BAGAIMANA PUN, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR, PARA USAHAWAN KOREA TIDAK SEHARUSNYA MENGHADKAN PENGLIBATAN MEREKA DALAM BIDANG ITU.

KATANYA MEREKA PATUT MENIMBANGKAN PENUBUHAN INDUSTRI-INDUSTRI YANG BERORIENTASIKAN EKSPORT DENGAN MENGGUNAKAN BAHAN MENTAH YANG DITAWARKAN OLEH MALAYSIA SEPERTI BALAK, GETAH, TIMAH, MINYAK SAWIT, KOKO DAN PETROLEUM.

BELIAU BERKATA ADALAH LEBIH WAJAR, UMPAMANYA, BAGI INDUSTRI PERABOT KOREA YANG BERORIENTASIKAN EKSPORT, YANG KINI PERLU MENGIMPORT KAYU BALAK SEBAGAI BAHAN MENTAH, DIPINDAHKAN KE MALAYSIA DI MANA TERDAPAT BANYAK BEKALAN BALAK DAN TENAGA KERJA.

-- LAGI 1814/LK

MAHATHIR-USAHASANA 3 SEOUL

KATANYA LANGKAH INI AKAN MENGURANGKAN KOS DAN SEBALIKNYA MENINGKATKAN KEUNTUNGAN.

"DENGAN MALAYSIA SEMAKIN BERKEMBANG MAJU, PERMINTAAN BAGI PELBAGAI BARANG SEMAKIN MENINGKAT DAN SAYA SYORKAN ANDA SEMUA MENINJAU PELUANG-PELUANG YANG TERBUKA BAGI ANDA," KATA BELIAU.

+MALAYSIA ADALAH PASARAN TERBUKA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGGESA PARA USAHAWAN KOREA MEMBANTU MEMBAIKI PERKHIDMATAN PERKAPALAN DAN UDARA ANTARA MALAYSIA DAN KOREA DEMI MEMPERTINGKATAN PERDAGANGAN DUA HALA.

BELIAU MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT KOREA YANG MEMBERIKAN LATIHAN KEPADA RAKYAT MALAYSIA.

PAGI INI PERDANA MENTERI MELAWAT DAEWOO MOTOR COMPANY DI PUPYONG, 27 KM DARI SINI, DAN SAMICK FURNITURE COMPANY, 40 KM DARI SINI.

-- LAGI 1817/LK

ZCZC B619:

MAHATHIR-USAHASAMA 4 SEOUL

LAWATAN KE DAEWOO BERTUJUAN MELIHAT TEKNOLOGI YANG DIGUNAKAN DALAM MEMBUAT RANGKA KENDERAAN DAN JUGA PENGGUNAAN KOMPONEN TEMPATAN.

SYARIKAT ITU, YANG PERTAMA SEUMPAMANYA DI KOREA SELATAN MENGELUARKAN BEBERAPA JENIS KERETA (DI BAWAH LESEN GENERAL MOTORS DAN OPEL), VAN, TRAK DAN BAS.

KERETA BUATAN SYARIKAT ITU MENGANDUNGI 93 PERATUS KOMPONEN TEMPATAN. KADAR PENGELUARANNYA IALAH 25,000 BUAH KERETA, 7,000 BUAH BAS DAN 8,000 BUAH TRAK SETAHUN.

PROJEK KERETA BUATAN MALAYSIA YANG DIJANGKA MEMULAKAN PENGELUARAN DALAM 1985 DISASARKAN MENGELUARKAN 20,000 BUAH KERETA SETAHUN DENGAN PENGELUARAN MENINGKAT KEPADA 100,000 BUAH SETAHUN MENJELANG 1990.

SYARIKAT PERABOT SAMICK MENGIMPORT 80 PERATUS DARIPADA BEKALAN KAYU BALAKNYA DARI MALAYSIA. JUALANNYA KINI MENCAPAI M\$71.3 JUTA DAN ANGKA INI DIJANGKA BERGANDA DALAM TEMPOH TIGA TAHUN. -- LAGI 1823/LK

MAHATHIR-USAHASAMA 5 SEOUL

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYAKSIKAN BAGAIMANA KOMPUTER DAN LAIN-LAIN PERALATAN MODEN DIGUNAKAN UNTUK MEREKABENTUK PERABOT DAN CARA-CARA MENGELUARKAN PERABOT UNTUK DIPASANG.

SYARIKAT ITU ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA KUMPULAN SAMICK YANG KINI MEMPUNYAI BEBERAPA PROJEK DI MALAYSIA. SATU DARIPADANYA IALAH APROJEK SYARIKAT PERUMAHAN PEGAWAI KERAJAAN SDN. BHD. DI CERAS YANG MELIBATKAN PEMBINAAN 1,600 UNIT RUMAH PANGSA, BUNGALOW DAN RUMAH KEDAI SECARA TURNKEY. PROJEK INI MELIBATKAN PELABURAN M\$73 JUTA.

SEORANG PEKERJA MALAYSIA, MOHAMED BADRI MOKHTAR, 23, KINI MENJALANI LATIHAN SELAMA EMPAT BULAN DI SAMICK FURNITURE.

PETANG INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG DALAM RANGKA LAWATAN SEMINGGU KE KOREA SELATAN, MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN BEBERAPA KUMPULAN USAHAWAN DALAM USAHA MENINGKATKAN PENYERTAAN KOREA DALAM PEMBANGUNAN PERDAGANGAN DAN EKONOMI MALAYSIA. *BERNAMA*.